

## MODUL 3 : KATA BILANGAN

1. Maksud:  
Kata bilangan ialah kata yang digunakan untuk menghitung sesuatu frasa nama : orang, binatang, benda atau perkara.

2. Contoh Kata bilangan

Jenis Kata Bilangan	Contohnya
Kata bilangan tentu 1. Menunjukkan bilangan yang tertentu. 2. Boleh diikuti oleh penjodoh bilangan	Satu, dua, tiga, dan seterusnya Contoh ayat: Dua ekor kambing.
Kata bilangan tak tentu. (Menunjukkan bilangan yang tidak tentu)	Beberapa, segala, seluruh, sekalian, setengah-setengah, dan sebagainya. Contoh ayat: Segala maklumat akan dikumpulkan.
Kata bilangan pecahan. (Menunjukkan bilangan berbentuk pecahan)	Suku, setengah, separuh, tiga suku, dan sebagainya. Contoh ayat: Hanya sepertiga ibu bapa murid tahun enam yang hadir ke majlis itu.
Kata bilangan pisahan. (Menunjukkan bilangan yang berpisah)	Setiap, tiap-tiap. Contoh ayat: Setiap orang dikehendaki membayar yuran sekolah dengan segera.
Kata bilangan himpunan. (Menunjukkan sesuatu bilangan secara himpunan)	Kedua-dua, ketiga-tiga, berpuluh-puluh, berminggu-minggu, berbulan-bulan, dan sebagainya. Contoh ayat: Kebun Pak Abu menghasilkan berpuluh-puluh bakul durian setiap tahun.
Kata bilangan tingkat. (Menunjukkan giliran atau urutan dalam sesuatu jumlah)	Pertama, kedua, ketiga, dan seterusnya. Contoh ayat: Abu mendapat tempat ketiga sahaja dalam peraduan lukisan.

3. Kesilapan kata bilangan:

- a. Tidak meletakkan penjodoh bilangan pada kata nama konkrit yang dibilang menggunakan kata bilangan tentu.

SALAH	BETUL
<b>Tiga motosikal</b> itu berjenama Honda.	<b>Tiga buah motosikal</b> itu berjenama Honda.
<b>Dua ribu telur ayam</b> telah direbus untuk majlis kenduri.	<b>Dua ribu biji telur</b> ayam telah direbus untuk majlis kenduri.
<b>Seratus calon</b> telah menghadiri seminar UPSR.	<b>Seratus orang calon</b> telah menghadiri seminar UPSR.

- b. Menggandakan kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan tentu yang membawa maksud jamak (banyak).

SALAH	BETUL
<b>Tiga puluh meja-meja</b> di dalam bilik darjah kami telah rosak.	<b>Tiga puluh meja</b> di dalam bilik darjah kami telah rosak.
<b>Empat pekerja-pekerja</b> kilang terbunuh dalam kemalangan jalan raya.	<b>Empat pekerja</b> kilang terbunuh dalam kemalangan jalan raya.
<b>Lapan ratus pelancong-pelancong</b> asing diraikan dalam majlis yang gilang-gemilang.	<b>Lapan ratus pelancong</b> asing diraikan dalam majlis yang gilang-gemilang.

- c. Menggunakan penjodoh bilangan bagi kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan tak tentu

kecuali kata bilangan tak serupa – beberapa.

SALAH	BETUL
Amran membeli <b>beberapa buku cerita</b> .	Amran membeli <b>beberapa buah buku cerita</b> . (Tatabahasa Dewan m.s 197)
<b>Para orang peniaga</b> di pasar malam diseru agar mengutamakan kebersihan.	<b>Para peniaga</b> di pasar malam diseru agar mengutamakan kebersihan.
<b>Sesetengah buah bas persiaran beroperasi</b> secara haram.	<b>Sesetengah bas persiaran beroperasi</b> secara haram.

d. Menggandakan kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan tak tentu.

SALAH	BETUL
<b>Kebanyakan guru-guru hadir</b> dalam mesyuarat kurikulum sekolah.	<b>Kebanyakan guru hadir</b> dalam mesyuarat kurikulum sekolah.
<b>Semua surat-surat</b> telah dihantar kepada para tetamu.	<b>Semua surat</b> telah dihantar kepada para tetamu.
<b>Sebahagian daripada pekerja-pekerja</b> warga asing masuk ke negara ini secara haram.	<b>Sebahagian daripada pekerja</b> warga asing masuk ke negara ini secara haram.

e. Menggunakan kata singkatan kata bilangan himpunan dalam ayat.

SALAH	BETUL
<b>Kedua buah pulau</b> di negara ini mempunyai batu karang yang paling cantik di dunia.	<b>Kedua-dua buah pulau</b> di negara ini mempunyai batu karang yang paling cantik di dunia.
<b>Antara kedua tugas</b> , yang manakah lebih mudah?	<b>Antara kedua-dua tugas</b> , yang manakah lebih mudah?
<b>Berbagai isu-isu</b> dibincangkan dalam mesyuarat Persatuan Ibu dan Bapa.	<b>Berbagai-bagai isu</b> dibincangkan dalam mesyuarat Persatuan Ibu dan Bapa.

f. Tidak meletakkan penjodoh bilangan pada kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan himpunan.

SALAH	BETUL
<b>Ketiga-tiga anak</b> Pak Halim menuntut di luar negara.	<b>Ketiga-tiga orang anak</b> Pak Halim menuntut di luar negara.
<b>Beratus-ratus sate</b> dihidangkan untuk pelancong dari Jepun.	<b>Beratus-ratus cucuk sate</b> dihidangkan untuk pelancong dari Jepun.
<b>Beribu-ribu cakera padat</b> tiruan dirampas dalam operasi pihak berkuasa.	<b>Beribu-ribu keping cakera padat</b> tiruan dirampas dalam operasi pihak berkuasa.

g. Penggunaan kata bilangan tak tentu yang sudah membawa maksud jamak.

SALAH	BETUL
<b>Para-para petugas</b> di pameran buku sedia memberikan bantuan kepada pengunjung.	<b>Para-para petugas</b> di pameran buku sedia memberikan bantuan kepada pengunjung.

\*Para tidak seharusnya digunakan untuk merujuk kepada golongan yang tidak dihormati seperti penjahat, pegganas, pengemis, penagih dan penipu.

h. Tidak menggunakan kata bilangan himpunan yang betul.

SALAH	BETUL
-------	-------

Berbagai acara diadakan dalam karnival jualan murah.	Berbagai-bagai acara diadakan dalam karnival jualan murah.
Tiap pelanggan yang berkunjung ke restoran itu pasti berpuas hati dengan layanan mesra pekerjanya.	Tiap-tiap pelanggan yang berkunjung ke restoran itu pasti berpuas hati dengan layanan mesra pekerjanya.

- i. Penjodoh bilangan tidak perlu digunakan untuk menghitung sesuatu kata nama ukuran, kata nama waktu dan kata nama abstrak yang tertentu.

Peringatan: Kata nama konkrit yang membawa maksud orang seperti mayat tidak perlu didahului oleh penjodoh bilangan.

SALAH	BETUL
Peserta pertandingan pidato diberi masa <b>lima buah minit</b> sahaja.	Peserta pertandingan pidato diberi masa <b>lima minit</b> sahaja.
<b>Beberapa buah bahagian</b> rumah pangsa itu telah retak.	<b>Beberapa bahagian</b> rumah pangsa itu telah retak.
<b>Tiga orang mayat</b> mangsa lemas dijumpai terdampar di pantai.	<b>Tiga mayat</b> mangsa lemas dijumpai terdampar di pantai.

- j. Kata bilangan tentu tidak boleh didekatkan dengan kata bilangan.

SALAH	BETUL
Harga daging itu <b>lapan setengah ringgit</b> sahaja.	Harga daging itu <b>lapan ringgit setengah</b> sahaja.
Saya menunggu awak sudah <b>dua setengah jam</b> .	Saya menunggu awak sudah <b>dua jam setengah</b> .